

▼07/06/13-13MST
U GB 07-06 00216 BA649

bah

Mahathir - Marin

POLIS MARIN PERLU PENGETAHUAN KAWAL PENCEMARAN, KATA DR MAHATHIR

LANGKAWI, 7 Jun (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berharap polis cawangan marinyanya akan meningkatkan keupayaan di bidang mengawal pencemaran akibat tumpahan minyak kapal dan kecemasan, selain daripada mengawal keselamatan perairan negara.

Perdana Menteri berkata sejajar dengan pertumbuhan ekonomi Langkawi yang bertambah pesat, kerajaan berharap Polis Diraja Malaysia akan meningkatkan tahap profesionalisme di kalangan pegawai dan anggotanya ke arah menyahut cabaran yang lebih meningkat lagi di masa akan datang.

Mengikut Rancangan Malaysia Keenam, kerajaan menyediakan RM5 juta untuk projek pembinaan pangkalan polis marin di Bukit Malut di sini sebagai lanjutan untuk memastikan perairan Langkawi dan utara Semenanjung sentiasa terkawal, katanya ketika merasmikan Ibu pejabat Polis Daerah Langkawi di sini hari ini.

Dr Mahathir berkata pegawai dan anggota polis harus diberi latihan untuk meningkatkan kemahiran dan ilmu pengetahuan dan pada masa yang sama, anggota Polis Marin perlu menambah pengetahuan mereka bukan sahaja daripada aspek kawalan keselamatan tetapi juga pengetahuan sampingan seperti tindakan terhadap kecemasan, pencemaran disebabkan tumpahan minyak dan kebakaran kapal.

Beliau berkata Polis Marin akan dilengkapi dengan peralatan lebih baik selaras dengan perkembangan pesat Langkawi, supaya setiap pihak yang ada kepentingan di pulau ini merasa keselamatan mereka terjamin. -- Lagi

▼07/06/14-14MST
U GB 07-06 00109 BA653

bah

Mahathir.- Marin 2 Langkawi

Dr Mahathir berharap perlindungan keselamatan oleh polis untuk delegasi ke Pameran Maritim dan Udara Antarabangsa Langkawi (LIMA) Disember ini dan harta benda mereka serta peserta persidangan antarabangsa yang diadakan di sini dari semasa ke semasa sentiasa terjamin.

Menurutnya, kedatangan banyak pelabur ke sini kebelakangan ini secara tidak langsung telah membuka peluang kepada masyarakat tempatan meningkatkan taraf hidup mereka.

Perdana Menteri berkata, pantai Langkawi yang bersih setaraf dengan Hawaii dan Caribbean serta jaminan keselamatan diri dan harta benda yang bukan sahaja tertumpu di pulau tetapi juga di perairan ialah antara faktor utama yang mendorong mereka ke sini.

Dr Mahathir juga berkata kerajaan sedang berusaha bersama-sama dengan Indonesia dan Thailand untuk mewujudkan kawasan pembangunan Segitiga Utara yang akan meliputi Phuket-Langkawi-Danao Toba.

Beliau berharap masyarakat mengekalkan keharmonian yang sedia ada supaya Langkawi terkenal sebagai destinasi pelancongan yang paling aman di rantau ini. -- Lagi

▼07/06/14-39MST

CNS2967

U GB 07-06 00215 BA655

bah

(Ulangan membetulkan para 4, tarikh projek bermula...1991 bukan 1971)
Mahathir - Marin 3 (Akhir) Langkawi

Katanya, polis sentiasa mengawasi setiap perkembangan yang boleh mengancam keselamatan di perairan pulau ini.

Hasil kecekapan polis, banyak tangkapan dadah, pendatang tanpa izin, penyeludupan barang bebas cukai dan penangkapan ikan haram oleh pukut-pukat tunda dilakukan oleh pasukan marin.

Terdahulu, Timbalan Ketua Polis Negara, Tan Sri Abdul Rahim Mohamed Noor berkata polis Langkawi dinaikkan taraf kepada polis daerah sejak 1 Julai 1991 dengan ditadbir oleh seorang Penguasa Polis, seorang timbalan, tujuh inspektor dan 221 anggota.

Projek pembinaan ibupejabat polis daerah itu bermula pada 1991 dengan kos RM28 juta dan mula digunakan Mei lepas.

Semasa bercakap kepada pemberita kemudian, Dr Mahathir berkata kerajaan mempunyai banyak rancangan untuk mengadakan kemudahan bagi pasukan polis dalam usaha meningkatkan mutu perkhidmatan mereka dengan pembekalan peralatan moden.

Tetapi pelaksanaannya tidak dapat dijalankan serentak di seluruh negara kerana ia dilakukan mengikut kemampuan kerajaan dan keutamaan di sesuatu kawasan, kata Dr Mahathir yang juga Menteri Dalam Negeri.

Yang turut hadir pada majlis itu ialah Timbalan Menteri Dalam Negeri Datuk Megat Junid Megat Ayob, Menteri Pertanian Datuk Seri Sanusi Junid dan Menteri Besar Kedah Tan Sri Haji Osman Aroff. -- Bernama

IQ MIB